

09 SEP 1996

PM-Jamuan

CUBAAN UNTUK JEJASKAN SISTEM PERDAGANGAN PERLU DITOLAK

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebarang percubaan untuk mengenakan syarat-syarat perdagangan antarabangsa dengan isu-isu sosial dan politik yang tidak berkaitan akan menjejaskan sistem perdagangan pelbagai hala.

"Percubaan oleh sesetengah negara maju adalah tidak wajar dan oleh itu ia perlu ditolak," katanya pada majlis makan malam bagi meraikan Perdana Menteri Republik Czech, Vaclav Klaus di Sri Perdana di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Republik Czech sama-sama memandang berat perkara-perkara yang tidak munasabah yang dikenakan terhadap program Pertubuhan Perdagangan Dunia.

Katanya, kedua-dua negara juga telah memberikan perhatian berat terhadap penderitaan penduduk Bosnia-Herzegovina.

"Seperti Republik Czech, Malaysia terus komited terhadap proses damai dan akan memberikan sumbangan aktif kepada pembinaan semula negara yang musnah akibat perang itu dan mendapati Perjanjian Damai Dayton walaupun rapuh telah membawa keamanan dan harapan kepada rakyat Bosnia," katanya.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir menggesa sektor swasta dari kedua-dua negara menyertai bersama dan menyumbang kepada usaha-usaha pembinaan semula Bosnia-Herzegovina.

Mengenai perdagangan, Dr Mahathir berkata Republik Czech merupakan pintu masuk yang menarik ke bahagian tengah Eropah Timur bagi Malaysia untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan rantau itu.

Beliau berkata sebagai anggota CEFTA, Visegrad Four dan anggota sekutu Kesatuan Eropah (EU), Republik Czech berada di kedudukan yang sesuai bagi kemasukan barangan eksport Malaysia bukan sahaja di pasaran baru muncul di rantau itu tetapi juga dalam EU.

"Begitu juga, Malaysia boleh menyediakan asas semula jadi bagi ahli perniagaan dan pedagang Czech menerokai pasaran-pasaran baru di rantau Asean dan Asia Timur," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan termeterainya Perjanjian Jaminan Pelaburan hari ini telah menyediakan kemudahan tambahan untuk memupuk keyakinan perniagaan jangka panjang, perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Republik Czech.

Katanya, kerjasama dalam industri pelancongan merupakan satu lagi bidang yang boleh dimajukan oleh Malaysia dan Republik Czech memandangkan interaksi antara rakyat biasa boleh meningkatkan persefahaman dan saling menghargai nilai-nilai Asia dan Eropah.

Dalam ucapan balasnya, Perdana Menteri Czech berkata negaranya tidak hanya memberikan keutamaan kepada benua Eropah sahaja malah mahu meluaskan hubungannya dengan negara-negara dan benua lain.

"Salah satu daripadanya ialah rantau yang pesat membangun di dunia -- negara-negara Asia Tenggara, di mana Malaysia adalah antara yang paling dinamik," katanya.

"Kami bersedia untuk mewujudkan hubungan politik, ekonomi dan kebudayaan yang lebih luas antara kedua-dua negara," tambahnya.-- BERNAMA

ZAB OBA